

19/05/2003

BioValley komitmen Malaysia majukan bioteknologi dunia

Nurul Hazren Masitom

INISIATIF kerajaan menggalakkan pembangunan bioteknologi sejajar dengan matlamat menjadikan Malaysia pemain utama industri itu di dunia, maju setapak lagi esok dengan majlis pecah tanah Lembah Biologi (BioValley), di

Koridor Raya Multimedia (MSC).

Lebih menggalakkan, BioValley di tapak seluas 800 hektar, sudah pun menerima tiga institusi penyelidikan pertama.

Tiga institusi itu - Institut Genomik dan Biologi Molekul, Institut Farmaseutikal dan Institut Agro-perhutanan - akan dibina di kawasan seluas

50 hektar setiap satu.

Majlis pecah tanah BioValley akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menandakan satu impian negara sejak 12 tahun lalu, kini menjadi kenyataan.

Dijangka menjadi mercu tanda terbaru MSC, BioValley menjadi bukti komitmen Malaysia menyumbang kepada industri bioteknologi dunia.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding, berkata, dalam merangka projek BioValley ini, Malaysia menjalin usaha sama

dengan Amerika Syarikat menerusi Massachusetts Institute of Technology (MIT).

"Kerjasama itu penting memandangkan negara memerlukan kepakaran penyelidik Amerika bagi menjayakannya.

"Selain Amerika, negara lain yang berminat melabur dalam BioValley ialah

Jepun dan Eropah, memandangkan sumber kewangan yang diperlukan agak besar

bagi memastikan perancangannya berjalan lancar," beliau dipetik sebagai berkata, baru-baru ini.

Selain tiga institut penyelidikan berkenaan, BioValley juga akan mempunyai direktorat perniagaan atau pusat perniagaan yang mempunyai keluasan kira-kira 600 hektar bagi membantu mengkomersialkan produk penyelidikan.

Awal tahun ini, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) menjalin kerjasama dengan tiga pihak lain untuk menyumbangkan RM114 juta bagi penubuhan syarikat modal teroka, Spring Hill Bioventures Sdn Bhd (SBV), untuk dilaburkan dalam syarikat bioteknologi.

Tiga pihak lain yang terbabit ialah Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Bhd (Great Eastern), PacificMas Bhd (PacificMas) dan Vertex Avenue Sdn Bhd (Vertex Avenue), anak syarikat TH Group Bhd (TH Group).

SBV, syarikat modal teroka bioteknologi pertama di Malaysia, melantik Spring Hill Management Sdn Bhd (SMSB) sebagai pengurusnya. SMSB dimiliki dan diuruskan pengerusinya, Dr Kim Tan, seorang usahawan bioteknologi terkemuka.

Pembangunan BioValley Malaysia di kawasan MSC mengambil kira sinergi di

antara bioteknologi serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Dr Kim berkata, setakat ini ada dua projek bioteknologi yang dikenal

pasti SMSB, iaitu pembinaan kilang pengeluaran insulin manusia dan antibodi monoclonol.

Sektor bioteknologi mendapat sokongan penuh kerajaan dan dianggap satu daripada bidang lanjutan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Dasar Bioteknologi dan Kepelbagaian Biologi dalam usaha membangunkan industri bioteknologi di negara ini.

Dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, jawatankuasa itu dianggotai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam

Sekitar; Kementerian Perusahaan Utama; Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan.

Dalam usaha mempercepatkan pembangunan bioteknologi di Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menubuhkan Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (Biotek) pada Mei 1995. Biotek dipertanggungjawabkan memimpin dan menyelaras penyelidikan bioteknologi di negara ini.

Bagi melancarkan penyelidikan bioteknologi, Biotek mewujudkan tujuh Pusat Kerjasama Bioteknologi (BCC) yang membantu menyelaras penyelidikan dalam bidang itu yang dijalankan pelbagai organisasi dalam usaha memperbaiki hubungan serta mengurangkan penduaan.

Tujuh BCC itu terbabit dalam pelbagai bidang penyelidikan bioteknologi, iaitu tumbuhan, makanan, haiwan, biologi molekul, perubatan, alam sekitar dan industri serta biofarmasi.

Pelbagai inisiatif dan mekanisme pemberian dana diperkenalkan kerajaan untuk mempromosi pembangunan bioteknologi.

Kerajaan menyedari bahawa prasyarat asas kejayaan lanjutan dalam industri bioteknologi ialah dengan menyediakan geran dan pinjaman serta insentif bagi mempromosi dan menyokong penyelidikan dalam sektor awam dan

menggalakkan lebih banyak sektor swasta melabur untuk teknologi baru.

Mekanisme bagi pemberian geran diselaras Majlis Kebangsaan Mengenai Penyelidikan Saintifik dan Pembangunan (NCSRD) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Pada masa sama, insentif turut disediakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (Mida) sementara sektor swasta boleh membuat permohonan kepada bank dan syarikat modal teroka (VC).

Tujuan pemberian geran ialah bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersialan penemuan produk terbaru dalam bidang keutamaan yang mempunyai kepentingan dalam industri di Malaysia.

Bantuan kewangan menerusi VC pula diterima dengan meluas sebagai sumber dana alternatif dan inovatif di negara ini. Pembiayaan itu membantu menyokong syarikat dan usahawan dalam pertukaran menjadi pemilik dan pemegang saham.

Mengikut statistik laman web Pusat Maklumat Bioteknologi di <http://www.bic.org.my>, terdapat lapan syarikat modal teroka bioteknologi yang melabur dalam bidang itu di negara ini pada 2001.

Bagaimanapun, jumlah yang diperuntukkan tidak dapat dipastikan kerana

kebanyakan VC meletakkannya di bawah kategori `Sains Hayat`.

Selain itu, bantuan kewangan VC biasanya bertumpu terhadap syarikat yang berkembang di peringkat awal, namun syarikat bioteknologi di peringkat pasca prototaip atau yang sudah bermula sukar dibiaya.

Sebagai usaha berterusan bagi menyokong industri VC, syarikat modal teroka kepunyaan kerajaan, Malaysia Venture Capital Management Berhad (Mavcap) ditubuhkan bagi mengurus dana bernilai RM500 juta pada 2001.

Daripada jumlah itu, RM100 juta diperuntukkan bagi bidang bioteknologi dalam bentuk pelaburan langsung dan selebihnya diperoleh daripada sumber luar melalui pengurus dana kecil.

Diharap dengan adanya BioValley, lebih banyak penemuan terbaru hasil R&D oleh syarikat, institusi dan universiti dihebahkan kerana potensi bioteknologi amat luas bukan saja membantu menyelesaikan masalah kebuluran dan kekurangan zat, malah berupaya mengeluarkan bahan yang diperlukan sektor industri.